

Kajian Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar Melalui Program Kecemerlangan

Azmahani Abdul Aziz, Jamaludin Mohamad Yatim, Baharin Mesir
Fakulti Kejuruteraan Awam,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM, Johor
baharinm@yahoo.com

Abstrak: Kecemerlangan akademik merupakan asas untuk mengukur kejayaan seseorang pelajar dalam semua peringkat, dari alam persekolahan hinggalah ke institusi pengajian tinggi. Pelajar cemerlang dalam akademik di peringkat Universiti dikategorikan sebagai mereka yang mencapai prestasi CPA melebihi 3.5. Sokongan dan pemantauan berterusan merupakan salah satu faktor yang telah dikenalpasti sebagai pendorong dan penyumbang kepada peningkatan kecemerlangan seseorang pelajar itu. Kertas kerja ini membincangkan hubungan latar belakang pendidikan dan prestasi akademik pelajar cemerlang yang terpilih mengikuti Program Pembangunan Pelajar Cemerlang di Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia. Prestasi akademik pelajar dipantau dan dianalisis berdasarkan kelok prestasi yang akan menggambarkan corak pencapaian di sepanjang pengajian mereka. Hasil kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa kejayaan seseorang pelajar itu bukan hanya terletak atas usaha mereka sahaja malahan juga memerlukan sokongan luaran.

Katakunci: Kecemerlangan Akademik, Prestasi Akademik, Pelajar Cemerlang, Kelok Prestasi, Nilai Mata Purata Kumulatif (CPA).

1.0 PENGENALAN

Kecemerlangan pelajar sering dikaitkan dengan keputusan yang baik disertai dengan usaha mereka yang bersungguh-sungguh untuk terus kekal cemerlang. Kecemerlangan tidak akan datang bergolek, ia hanya dapat dimiliki dengan usaha dan susah payah. Antara cabaran pelajar masa kini ialah bukan sahaja mempunyai kecemerlangan akademik yang baik, malah perlu memperlengkapkan diri ke arah kecemerlangan kerjaya yang seharusnya bermula pada awal tahun pengajian lagi dan bukannya semasa di akhir pengajian. Isu ini sering diperkatakan dan terdapat segelintir pelajar yang cemerlang dalam akademik kurang keyakinan diri untuk berhadapan dengan alam pekerjaan.

Pelbagai program pembangunan pelajar telah diatur dan dirancang di semua peringkat sama ada di kolej-kolej kediaman, fakulti dan universiti bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik dan kemahiran generik. Di Fakulti Kejuruteraan Awam, program kecemerlangan akademik telah diadakan sejak penubuhannya lagi dan usaha ke arah melahirkan lebih ramai pelajar bumiputra cemerlang begitu tersusun kebelakangan ini. Walau pun begitu, pelajar yang lemah juga turut diberi perhatian melalui satu program khas yang dirangka untuk pelajar yang memperoleh GPA dan CPA kurang dari 2.0 supaya mereka boleh terus berjaya seperti rakan-rakan yang lain.

2.0 PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR CEMERLANG

Program Penasihat Akademik telah lama diadakan di peringkat fakulti di mana setiap pelajar mempunyai penasihat akademik masing-masing. Namun begitu ianya agak kurang berkesan di dalam memantau prestasi pelajar cemerlang. Selaras dengan tujuan ini, Fakulti Kejuruteraan Awam telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk pelajar cemerlang yang dinamakan Program Pembangunan Pelajar Cemerlang. Program ini adalah khusus untuk pelajar yang mempunyai nilai CPA melebihi 3.5. Ia mula dilaksanakan sepenuhnya pada 2003 dan di antara objektif yang disasarkan adalah untuk;

- (i) Menyediakan platform perbincangan dan aktiviti sihat sesama pelajar ke arah kecemerlangan diri.
- (ii) Meningkatkan motivasi diri pelajar supaya menggandakan lagi usaha untuk menjadi lebih cemerlang.
- (iii) Memantapkan jati diri dan daya saing pelajar dalam persekitaran yang kompetitif.
- (iv) Membangunkan sahsiah, kemahiran komunikasi dan kepimpinan pelajar agar menepati matlamat fakulti dan universiti khususnya dan kehendak masyarakat dan negara amnya.

Program ini lebih berkonsep *Mentor-mantee* agar objektif di atas dapat dicapai dengan berkesan. Menerusi aktiviti yang dilaksanakan ini, ia dapat mengeratkan lagi hubungan sesama pelajar dan pelajar dengan mentor (penasihat) sebagai tempat rujukan dan berkongsi masalah yang berkaitan dengan isu akademik atau seumpamanya. Di antara program yang telah dijalankan ialah ;

- (i) Majlis 'Hi-Tea' Bersama Dekan (pada minggu pertama kuliah)
- (ii) Forum/Diskusi Akademik (bersama mentor atau gabungan)
- (iii) Bengkel-bengkel kecemerlangan
- (iv) Kem Kecemerlangan Sahsia dan Kepimpinan
- (v) Lawatan Akademik
- (vi) Majlis Solat Hajat dan Kecemerlangan Diri

3.0 HUBUNGAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN PELAJAR DAN PRESTASI AKADEMIK

Di awal program ini dikendalikan, bilangan pelajar cemerlang yang terlibat ialah seramai 46 orang dan kini bilangan tersebut telah bertambah hingga 78 orang. Berdasarkan bilangan pelajar cemerlang seramai 78 orang ini, didapati bahawa mereka mempunyai latar belakang pendidikan sekolah yang pelbagai seperti dalam *Jadual 1*. Hasil analisis menunjukkan bahawa 80% daripada jumlah pelajar cemerlang adalah mereka yang berpendidikan dari sekolah berasrama penuh (termasuk sekolah menengah agama dan juga teknik) manakala 20% daripada mereka adalah dari sekolah harian.

Jadual 1 : Latar Belakang Pendidikan Pelajar

Kategori Sekolah	Bilangan Pelajar	Peratus
Sekolah Harian	16	20%
Sekolah Teknik (Berasrama)	30	80%
Sekolah Berasrama Penuh	32	

Ini memberi gambaran bahawa faktor pendidikan awal mempengaruhi kecemerlangan mereka dalam akademik. Pengalaman dari segi penyesuaian diri dalam suasana asrama, disiplin dan pengurusan masa yang telah mereka lalui semasa di alam persekolahan telah banyak membantu mereka apabila berada di universiti. Nilai-nilai yang baik ini dapat diteruskan sesuai dengan sistem semester itu sendiri yang memerlukan proses pembelajaran secara berterusan. Peranan mentor hanya sebagai pendorong luaran dalam meningkatkan motivasi diri pelajar supaya terus cemerlang .

4.0 ANALISIS PRESTASI

4.1 Prestasi Akademik Semasa

Jadual 2 menunjukkan keputusan prestasi akademik semasa bagi pelajar cemerlang (78 orang) untuk semester I dan II sesi 2005/2006 berdasarkan pencapaian Nilai Mata Purata Kumulatif (CPA). Pada semester II terdapat peningkatan sebanyak 10% bilangan pelajar yang berjaya mencapai CPA melebihi 3.70, 86% bilangan pelajar mengekalkan prestasi dalam julat CPA antara 3.50 dan 3.69, manakala 4% pelajar lagi memperoleh CPA kurang daripada 3.50. Terdapat beberapa faktor yang mungkin menyebabkan keadaan ini berlaku antaranya;

- i) beban akademik
- ii) motivasi diri
- iii) peribadi (contoh kewangan)

Jadual 2: Prestasi akademik pelajar cemerlang berdasarkan pencapaian CPA dan bilangan pelajar.


Sem/Sesi Pengajian	CPA			
	<= 3.49	3.50 – 3.59	3.60 – 3.69	3.70 – 4.00
Sem 1 2005 - 06	0	35	22	21
Sem 2 2005 - 06	3	25	21	29

4.2 Prestasi Akademik Secara Kumulatif – Kelok Prestasi

Analisis prestasi akademik pelajar cemerlang dibuat secara kumulatif berdasarkan kepada pencapaian keputusan akademik (CPA) setiap semester. Tujuan analisis ini dijalankan ialah untuk menilai keberkesanan program pembangunan pelajar cemerlang yang telah dijalankan dan seterusnya mengenalpasti langkah-langkah penambahbaikan ke atas pengisian program tersebut. Di samping itu, maklum balas pelajar juga diambil kira sebagai cadangan membina untuk memantapkan lagi pengisian program.

Andaian berdasarkan kepada pengalaman lampau mendapati bahawa pencapaian akademik pelajar cemerlang boleh dikategorikan kepada lima jenis kelok prestasi. *Rajah 1* menunjukkan kategori-kategori kelok prestasi yang menggambarkan pencapaian akademik secara kumulatif berdasarkan nilai CPA pelajar cemerlang iaitu;

- (i) Kelok I - Prestasi akademik pelajar berada pada tahap yang amat cemerlang tetapi berlaku peningkatan atau penurunan yang tidak ketara tetapi masih mencapai CPA melebihi 3.70.
- (ii) Kelok II - Prestasi akademik pelajar berada di tahap CPA sekitar 3.50 di awal pengajian dan kemudian mencapai peningkatan CPA yang memberangsangkan hingga melebihi 3.70 untuk semester selanjutnya.
- (iii) Kelok III - Prestasi akademik pelajar berada di tahap CPA sekitar 3.50 dan kemudian mencapai sedikit peningkatan dan kekal di tahap bawah 3.70 di semester selanjutnya.
- (iv) Kelok IV - Prestasi akademik pelajar pada mulanya di tahap CPA melebihi 3.50 dan kemudian mencapai sedikit penurunan pada pertengahan tempoh pengajian tetapi meningkat semula di beberapa semester terakhir.
- (v) Kelok V - Prestasi akademik pelajar berada di tahap CPA melebihi 3.50 tetapi kemudian merosot sehingga nilai CPA kurang dari 3.50 pada semester-semester selanjutnya.



Rajah 1: Kelok Prestasi Akademik Pelajar Cemerlang.

Berdasarkan konsep Kelok Prestasi ini, analisis prestasi akademik pelajar cemerlang telah dijalankan ke atas pelajar tahun dua ke atas atau sekurang-kurangnya telah mengikuti tiga semester pengajian. Seramai 61 orang pelajar cemerlang telah dilibatkan dalam analisis ini. *Jadual 3* menunjukkan bilangan pelajar cemerlang mengikut kelok prestasi akademik berdasarkan keputusan hingga semester II sesi 2005/2006. Hasil daripada analisis menunjukkan bahawa majoriti pelajar cemerlang mencapai prestasi akademik pada Kelok I dan II iaitu 77%, manakala 9.8% memperoleh Kelok III dan 13% memperoleh Kelok IV dan V. Jelas menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pelajar cemerlang terus mengekalkan kecemerlangan mereka dalam akademik dengan sokongan program-program yang telah dijalankan. Walaubagaimanapun, sebilangan kecil pelajar cemerlang masih memerlukan bimbingan dan motivasi diri untuk memastikan mereka kekal cemerlang dalam akademik. Usaha di peringkat awal terutama dalam memantapkan lagi program mentor-mentee untuk golongan pelajar ini boleh membantu mengurangkan masalah mereka. Di samping itu, program-program berbentuk bimbingan rakan sebaya dan kemahiran diri dalam pembelajaran wajar dilaksanakan supaya wujud interaksi berkesan dalam konteks akademik antara pelajar cerdas dan pelajar lemah terutama di luar waktu kuliah. Pengaruh persekitaran di kolej-kolej kediaman juga dikenalpasti merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar.

Jadual 3 : Bilangan pelajar dan peratusan berdasarkan kelok prestasi.

Kelok	Bilangan Pelajar	Peratus
I	16	26.2
II	31	50.8
III	6	9.8
IV	6	9.8
V	2	3.3

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan analisis prestasi pelajar didapati bahawa program ini telah berjaya meningkatkan bilangan graduan bumiputera cemerlang kelas pertama atau sekurang-kurangnya kelas kedua tinggi dengan bilangan yang lebih ramai dan berkualiti. Usaha ini harus diteruskan dan diperluaskan lagi dengan menyediakan program yang lebih menjurus kepada kemahiran generik dan kepimpinan. Oleh itu, pelajar cemerlang boleh berjaya bukan sahaja dalam akademik malahan kemahiran generik jika mereka terus dibimbing dan dipantau sejak awal lagi. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa untuk mengekalkan kecemerlangan itu bukan hanya bergantung atas usaha individu pelajar itu sendiri tetapi juga memerlukan sokongan luaran dalam program-program bimbingan dan motivasi sebagai penyuntik semangat untuk mereka terus kekal cemerlang.

PENGHARGAAN

Pengarang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dekan, Timbalan Dekan (Akademik), Ahli Jawatankuasa Pelaksana Program Pembangunan Pelajar Cemerlang (PPC), Fakulti Kejuruteraan Awam atas segala sumbangan berbentuk bantuan serta maklumat yang diberikan semasa penyediaan kertas kerja ini.

RUJUKAN

1. Jamaludin Mohamad Yatim, Fatimah Mohd Noor & Azmahani Abdul Aziz, *Program Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar di Fakulti Kejuruteraan Awam*, Conference of Engineering Education, 2004.
2. Kertas Cadangan FKA. *Pelaksanaan Program Pembangunan Pelajar Cemerlang*. Jawatankuasa PPC. 2003
3. Universiti Teknologi Malaysia, *Buku Panduan Akademik Sarjana Muda Kejuruteraan Awam* 2005/2006.